

# Akses vaksin COVID-19 untuk semua jadi cabaran

Keupayaan  
urus bekalan,  
penyimpanan  
perlu  
dipertingkat

**Kuala Lumpur:** Keupayaan memperoleh bekalannya serta memastikan semua penduduk dunia diberi vaksin adalah cabaran utama perlu dihadapi, terutama dalam kalangan negara membangun, dalam usaha membendung sepenuhnya virus COVID-19.

Pengarah Urusan, Pembangunan Dasar dan Perkongsian Bank Dunia, Dr Mari Pangestu, berkata beberapa vaksin COVID-19 dihasilkan buat masa ini, namun menjadi cabaran apabila perlu disimpan di bawah suhu antara negatif 80 hingga negatif 100 darjah Celsius.

“Saya tidak berasakan negara membangun mempunyai keupayaan mengendalikannya, Singapura mungkin boleh melakukan

nya, tetapi Indonesia dan Malaysia mungkin sukar.

“Selain cabaran akses, satu lagi isu yang paling penting ialah bagaimana untuk melakukan vaksinasi terhadap semua penduduk seluruh dunia. Ia tidak pernah dibuat sebelum ini kecuali penyakit cacar yang mana seluruh penduduk dunia telah diberi vaksin.

“Justeru, semua negara perlu membina infrastruktur yang lengkap bagi membolehkan sasaran ini dicapai,” katanya dalam sesi bertajuk ‘Ini Masa Asia Pasifik’ pada Dialog CEO APEC 2020 secara maya, semalam.

Sesi turut disertai penulis buku *Has China Won?*, Prof Kishore Mahbubani dan dikendalikan oleh Naib Pengerusi Pasaran PwC Asia Pasifik, Sridharan Nair.

Dalam sesi sama, Kishore menzahirkan kegembiraan apabila Perkongsian Ekonomi Komprehensif Serantau (RCEP) dapat dimuktamadkan baru-baru ini.

Katanya, perjanjian dagangan itu tidak akan memberikan impak yang terlalu mendalam kepada ASEAN kerana setiap negara anggotanya sudah pun membuka pa-



saran sesama sendiri.

“Namun begitu, ekonomi terbesar serantau iaitu China, Jepun dan Korea Selatan masih belum membuka pasaran antara mereka. Justeru, RCEP menjadi ‘pintu belakang’ untuk ketiga-tiga negara ini membuka pasaran sesama mereka.

“Kesan besarnya akan berlaku pertumbuhan ekonomi dan perdagangan yang lebih pantas, yang akhirnya akan memberi kesan limpahan kepada ASEAN selain memberi manfaat dari segi akses pasaran yang lebih besar dan

luas,” katanya.

Beliau memberikan contoh yang mana pada tahun 2009, pasaran barangan runcit di China bernilai AS\$1.8 trilion, manakala di Amerika Syarikat (AS) pula AS\$4 trilion.

“Namun 10 tahun selepas itu pada 2019, nilai pasaran di China meningkat lebih tiga kali ganda kepada AS\$6 trilion, manakala di AS tidak banyak berubah.

“Ini boleh menjadi petunjuk kepada sesiapa yang mencari peluang pasaran untuk menjual produk, sama ada makanan, minyak sawit dan getah, pasaran dengan pertumbuhan pesat ialah di China.

“Dengan penyatuan Jepun dan Korea Selatan ke dalam perjanjian itu, ia menjadikan pasaran di rantau ini menjadi lebih besar,” katanya.

Sementara itu, penulis dan penganalisis politik, Fareed Zakaria, berkata penularan COVID-19 akan mengakibatkan peningkatan kadar kemiskinan di kebanyakan negara terjejas, jika pandemik itu tidak dapat ditangani sempurna oleh pemimpin dunia



**Dr Mari Pangestu**

Tegasnya, semua pemimpin kini perlu memikirkan satu mekanisme baharu bagi melaksanakan proses pemulihan pandemik COVID-19, khususnya dari segi usaha merapatkan jurang ketidaksamaan.

“Kebimbangan utama adalah peningkatan jurang ketidaksamaan. Negara yang kurang membangun dan tidak menumpukan kepada peningkatan kesihatan, mereka akan terus mencatatkan kadar kemiskinan baharu.

“Bank Dunia juga mengunjurkan kadar kemiskinan akan meningkat pada tahun ini dan juga tahun depan jika pandemik ini tidak dapat ditangani.

“Negara yang mempunyai akses kesihatan yang baik serta mempunyai pelan pemulihan, berisiko lebih rendah berbanding dengan negara yang selama ini tidak mempunyai akses kesihatan yang baik,” katanya dalam sesi bertajuk ‘10 Pengajaran Bagi Dunia Pasca-Pandemik’ pada Dialog CEO APEC 2020 secara maya, semalam.